

# APA AKIBATNYA JIKA ANDA TIDAK MENGHADIRI SESI KAUNSELING?

Kegagalan menghadiri sesi kaunseling dianggap sebagai melanggar Perintah Kaunseling dan dianggap sebagai kesalahan menghina Mahkamah yang boleh dihukum mengikut undang-undang.



Untuk pertanyaan mengenai Perintah Perlindungan Diri, sila hubungi Pusat Perlindungan Keluarga (Mahkamah Keadilan Keluarga).

**Tel: 6435 5077**

Permohonan untuk merubah tarikh bagi Semakan Mahkamah di Mahkamah Keluarga 1 boleh dilakukan melalui

- Sistem Pengurusan Permohonan Keluarga Bersepadu (iFAMS) di <https://ifams.gov.sg> dengan menggunakan SingPass anda; atau



- kiriman e-mel ke [FJCOURTS\\_MAINTPOS@FJCourts.gov.sg](mailto:FJCOURTS_MAINTPOS@FJCourts.gov.sg) dengan menyertakan nombor rujukan kes anda, Kad Pengenalan dan sebab-sebab bersama dokumen sokongan. Sebagai contoh, sijil perubatan sah yang mengecualikan anda dari kehadiran mahkamah.

Untuk butiran mengenai sesi kaunseling anda di agensi yang dilantik, sila hubungi Kementerian Pembangunan Sosial dan Keluarga.

**Tel: 6354 8264**

# PROGRAM KAUNSELING MANDATORI



## APA ITU PROGRAM KAUNSELING MANDATORI?

Program Kaunseling Mandatori adalah program kaunseling yang diarahkan oleh mahkamah untuk membantu mereka yang pernah melakukan keganasan atau mengalami keganasan. Program ini dikendalikan oleh Kementerian Pembangunan Sosial dan Keluarga dan bertujuan untuk memastikan keselamatan keluarga dengan:

- Membantu ahli keluarga mempelajari cara menyelesaikan pertikaian dengan berhemah; dan
- Memberi ahli keluarga sokongan dan kemahiran yang diperlukan untuk memastikan keselamatan semua.

## APA ITU PERINTAH KAUNSELING?

Perintah Kaunseling adalah perintah mahkamah yang dikeluarkan oleh Mahkamah Keadilan Keluarga yang boleh disertakan dengan Perintah Perlindungan Diri (PPO), dan dikeluarkan di bawah Seksyen 65(6), Piagam Wanita. Jika anda diarahkan menjalani Perintah Kaunseling, anda mesti menghadiri program kaunseling dengan Agensi Perkhidmatan Sosial yang ditetapkan.

## SIAPAKAH YANG BOLEH DIARAH UNTUK MENGHADIRI KAUNSELING?

Individu yang membuat permohonan untuk Perintah Perlindungan Diri (disebut sebagai "Pemohon"), individu di mana Perintah Perlindungan Diri dibuat terhadapnya (disebut sebagai Responden) dan ahli keluarga yang lain boleh diarahkan untuk menghadiri Program Kaunseling Mandatori.

Menurut Piagam Wanita, ahli keluarga terdiri daripada:

- suami/isteri atau bekas suami/bekas isteri;
- kanak-kanak, termasuk anak angkat atau anak tiri;
- ibu bapa, atau ibu bapa mertua;
- adik-beradik; atau
- ahli keluarga lain atau orang yang tidak berupaya untuk mewakili diri mereka yang boleh dianggap oleh Mahkamah sebagai ahli keluarga.

## APA YANG BOLEH DIJANGKAKAN JIKA ANDA DIPERINTAHKAN UNTUK MENGHADIRI KAUNSELING MANDATORI?

### *Langkah 1: Pengeluaran Perintah Kaunseling*

Mahkamah Keadilan Keluarga mengeluarkan Perintah Kaunseling bersama dengan Perintah Perlindungan Diri. Mahkamah akan memaklumkan kepada anda tentang perkara-perkara berikut:

- Tujuan khidmat kaunseling;
- Akibat tidak menghadiri kaunseling; dan
- Tarikh dan waktu untuk anda kembali ke Mahkamah untuk Semakan Mahkamah.

### *Langkah 2: Sesi Kaunseling*

Kaunselor daripada Agensi Perkhidmatan Sosial akan menghubungi anda untuk menetapkan tarikh, waktu dan tempat bagi sesi kaunseling pertama anda. Kaunselor anda mungkin perlu menemu bual anda dalam beberapa sesi pertama agar dapat lebih memahami keadaan keluarga anda.

Kaunselor anda akan berbincang dengan anda mengenai jumlah dan kekerapan sesi kaunseling. Bilangan sesi bergantung kepada kemajuan anda dalam sesi kaunseling. Program ini boleh diteruskan jika masih ada masalah keganasan yang perlu ditangani dan jika Perintah Kaunseling masih berkuatkuasa.

Sesi ini boleh dilakukan bersama anda, dengan pihak yang lain atau secara berkumpulan dengan mereka yang mempunyai pengalaman yang sama seperti anda. Jenis sesi yang akan anda hadiri bergantung kepada penilaian kaunselor anda tentang kesesuaian. Kaunseling akan membantu anda memahami:

- Apa itu keganasan keluarga;
- Kesan keganasan keatas keluarga anda;
- Perancangan keselamatan;
- Meningkatkan kemahiran untuk memastikan keselamatan keluarga anda; dan
- Sumber-sumber kemasyarakatan yang sedia ada untuk anda.

Kaunselor anda akan juga menilai keperluan ahli keluarga yang lain supaya menerima kaunseling bagi menangani kesan keganasan dalam keluarga dan membincangkan perkhidmatan yang boleh membantu mereka mengatasinya.

### *Langkah 3: Semakan Mahkamah*

Anda akan kembali ke Mahkamah Keadilan Keluarga pada tarikh dan waktu yang ditetapkan bagi Semakan Mahkamah (lihat Langkah 1). Hakim akan menilai kemajuan anda dalam sesi kaunseling dengan merujuk kepada laporan semakan yang dibentangkan oleh kaunselor anda dan maklumat-maklumat lain yang berkaitan. Hakim boleh mengarahkan anda supaya kembali menghadiri Semakan Mahkamah untuk kali kedua.

Selepas Semakan Mahkamah, sesi kaunseling di Agensi Perkhidmatan Sosial boleh diteruskan. Di akhir sesi kaunseling, kaunselor akan menyerahkan laporan ke Mahkamah Keadilan Keluarga dan Kementerian Pembangunan Sosial dan Keluarga. Jika terdapat kemajuan semasa menjalani kaunseling, kaunselor anda boleh menyarankan agar anda dibebaskan daripada sesi kaunseling.

